



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

**GARIS PANDUAN
KEMASUKAN MURID KE
TINGKATAN
ENAM
SEMESTER 1 TAHUN 2021**

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
1.0	PENGENALAN	
1.1.	Tujuan	3
1.2.	Pendahuluan	3
1.3.	Semakan Tawaran dan Pendaftaran	4
1.4.	Pendaftaran Kemasukan ke Tingkatan Enam	4
2.0	PENGURUSAN KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021	5
2.1	Tindakan Jabatan Pendidikan Negeri	5
2.2	Tindakan Pejabat Pendidikan Daerah	6
2.3	Tindakan Kolej/Pusat Tingkatan Enam	7
2.4	Tindakan Sekolah Asal	9
2.5	Tindakan Guru	10
2.6	Tindakan Murid Yang Mempunyai Capaian Internet	12
2.7	Tindakan Murid Yang Tidak Mempunyai Capaian Internet	13
3.0	SYARAT KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021	
3.1	Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam bagi Calon Sekolah Kerajaan	14
3.2	Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam bagi Calon Sekolah Kerajaan Murid Berkeperluan Khas (MBK)	18
4.0	RAYUAN CALON SEKOLAH KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021 BERDASARKAN KELONGGARAN ATAS PENCAPAIAN KOKURIKULUM	
4.1	Keputusan dan Penempatan oleh JPN/PPD	21
4.2	Panduan Mengisi Borang T6BKK	22
4.3	Panduan Mengisi Borang T6BKK (dalam talian)	23
5.0	KRITERIA PENGAMBILAN CALON PERSENDIRIAN, SEKOLAH SWASTA DAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021 BAGI CALON SEKOLAH MENENGAH HARIAN	
5.1	Keputusan dan Penempatan oleh JPN/PPD	24
5.2	Panduan Mengisi Borang T6BCP	25
5.3	Panduan Mengisi Borang T6BCP (dalam talian)	26
5.4	Memproses Borang T6BKK dan T6BCP	27

5.5	Memproses Borang T6BKK dan T6BCP (dalam talian)	28
6.0	RAYUAN UMUM UNTUK KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021	29
7.0	RAYUAN UMUM UNTUK KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021 (DALAM TALIAN)	31
8.0	PANDUAN MENGISI BORANG T6BRTJ	32
9.0	PERMOHONAN PENGURUSAN KEMASUKAN MURID BUKAN WARGANEGARA	33
	LAMPIRAN 1	
	Borang Rayuan ke Tingkatan Enam Tahun 2021 bagi Calon Sekolah Kerajaan Berdasarkan Pencapaian Kokurikulum (T6BKK)	34
	LAMPIRAN 2	
	Borang Permohonan Kemasukan ke Tingkatan Enam Tahun 2021 bagi Calon Persendirian, Sekolah Swasta dan Sekolah Menengah Agama Negeri (T6BCP)	35
	LAMPIRAN 3	
	Borang Rayuan Umum Kemasukan ke Tingkatan Enam (T6BRU)	36
	LAMPIRAN 4	
	Borang Permohonan Rayuan Tukar Bidang (Jurusan) Tingkatan Enam (T6BRTJ)	37
	LAMPIRAN 5	
	Direktori Bahagian Berkaitan dengan Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021	39
	LAMPIRAN 6	
	Inventori Minat Kerjaya	40
	LAMPIRAN 7	
	Soal Selidik Minat Kerjaya	45
	LAMPIRAN 8	
	Soalan Lazim Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam	50
	LAMPIRAN 9	
	Carta Proses Kerja Sebelum Tarikh Semakan Dibuka	57
	LAMPIRAN 10	
	Carta Proses Kerja Semasa Tarikh Semakan Dibuka	58

KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021

1.0 PENGENALAN

1.1 Tujuan

- 1.1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada pegawai di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir serta guru di sekolah berkaitan pengurusan kemasukan murid ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- 1.1.2 Garis Panduan Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 ini perlu dibaca secara bersama-sama dengan surat pekeliling ikhtisas, surat siaran, arahan dan peraturan berkaitan yang sedang berkuatkuasa serta yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- 1.1.3 Garis panduan ini terpakai kepada semua Kolej Tingkatan Enam dan Pusat Tingkatan Enam KPM yang melaksanakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

1.2 Pendahuluan

- 1.2.1 Pada tahun 2021, terdapat 643 buah Kolej Tingkatan Enam/Pusat Tingkatan Enam di 16 buah negeri yang meliputi 594 buah sekolah harian (SH), 38 buah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), lapan (8) buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), dua (2) buah Sekolah Berasrama Penuh dan sebuah Sekolah Pendidikan Khas. Maklumat ini merangkumi 23 Kolej Tingkatan Enam (Mod 1), 93 buah Mod 2, dan 527 buah pusat Mod 3.
- 1.2.2 Pengambilan dan penawaran murid ke Tingkatan Enam diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian melalui sistem dalam talian iaitu Sistem Aplikasi Dalam Talian Tingkatan Enam (<https://sst6.moe.gov.my>). Walau bagaimanapun, terdapat juga pengambilan dan penawaran murid ke Tingkatan Enam yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh (BPSBP) bagi Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu serta Bahagian Pendidikan Islam bagi kelas yang menawarkan mata pelajaran Tahfiz Al-Quran iaitu di SMKA Kedah, SMKA Putrajaya, SMKA Maahad Muar, SMKA Kerian Perak, SMKA Tok Bachok Kelantan, SMA Imtiaz Yayasan Terengganu Kemaman, SMKA Kota Kinabalu dan SMKA Dato' Haji Abu Hassan Haji Sail.

1.3 Semakan Tawaran dan Pengesahan

- 1.3.1 Murid lepasan SPM tahun 2020 boleh menyemak keputusan tawaran dan pendaftaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 melalui portal <https://sst6.moe.gov.my> atau <https://moe.gov.my> pada **5 Julai 2021** secara dalam talian.
- 1.3.2 Murid yang layak dan bersetuju menerima tawaran dikehendaki melengkapkan maklumat tambahan seperti nombor telefon dan alamat emel yang boleh dihubungi oleh pihak Kolej/Pusat Tingkatan Enam.
- 1.3.3 Semua murid yang layak akan diberikan surat tawaran secara dalam talian. Surat tawaran hendaklah disimpan dan diserahkan kepada pihak sekolah jika diperlukan.
- 1.3.4 Calon yang sedang menunggu tawaran masuk ke program-program tertentu bawah rancangan bersama kerajaan, persiapan ke luar negara dan sebagainya, **perlu melapor diri ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021** sehingga mendapat pengesahan tawaran berkenaan.

1.4 Pendaftaran Kemasukan ke Tingkatan Enam

- 1.4.1 Murid dikehendaki melapor diri secara dalam talian/medium yang bersesuaian pada **5 hingga 15 Julai 2021** di Kolej/Pusat Tingkatan Enam yang telah ditempatkan.
- 1.4.2 Murid hendaklah memulakan sesi pengajian pada hari pertama persekolahan Tingkatan Enam Semester 1 tahun 2021. JPN/PPD perlu menggunakan budi bicara dalam menguruskan murid yang lewat melapor diri [melebihi tujuh (7) hari bekerja].
- 1.4.3 Sesi pengajian akan bermula pada **25 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan **26 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan B.

2.0 PENGURUSAN KEMASUKAN MURID KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021

2.1 Tindakan Jabatan Pendidikan Negeri

Sebelum:

- 2.1.1 Menyerahkan senarai dan maklumat murid layak serta surat pemakluman dan garis panduan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 kepada PPD di negeri masing-masing.
- 2.1.2 Memberi taklimat kepada PPD berkaitan pengurusan kemasukan murid Tingkatan Enam secara dalam talian.
- 2.1.3 Menghebahkan pengurusan kemasukan ke Tingkatan Enam 2021 kepada PPD di negeri masing-masing.
- 2.1.4 Memastikan semua urusan dilaksanakan secara dalam talian/medium yang bersesuaian.
- 2.1.5 Memastikan keperluan guru di daerah mencukupi bagi melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
- 2.1.6 Memastikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dipatuhi dalam tempoh pengurusan kemasukan murid Tingkatan Enam.
- 2.1.7 Memastikan kesiapsiagaan PPD sebelum menerima kehadiran murid baharu Semester 1 Tahun 2021.
- 2.1.8 Memberi fokus kepada keperluan jadual waktu, kesediaan murid dan guru dalam melaksanakan PdP.

Semasa:

- 2.1.9 Mematuhi Surat Pemakluman dan Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 dan memastikan dasar, surat pekeliling, surat siaran dan surat pemakluman sentiasa dipatuhi dalam suasana pandemik COVID-19.
- 2.1.10 Memastikan pelaksanaan PdP bermula pada tarikh yang telah ditetapkan.
- 2.1.11 Memastikan pihak sekolah mengemaskini data murid di dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selepas:

- 2.1.12 Menghantar laporan kemasukan murid Tingkatan Enam 2021 ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM.
- 2.1.13 Mengurus permohonan rayuan bagi murid-murid Tingkatan Enam.

2.2 Tindakan Pejabat Pendidikan Daerah

Sebelum:

- 2.2.1 Menyerahkan senarai dan maklumat murid layak serta surat pemakluman dan garis panduan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 kepada Kolej/Pusat Tingkatan Enam/sekolah asal di negeri masing-masing.
- 2.2.2 Memberi taklimat kepada Kolej/Pusat Tingkatan Enam/sekolah asal berkaitan pengurusan kemasukan murid Tingkatan Enam secara dalam talian.
- 2.2.3 Menghebahkan pengurusan kemasukan ke Tingkatan Enam 2021 kepada Kolej/Pusat Tingkatan Enam/sekolah asal di negeri masing-masing.
- 2.2.4 Memastikan semua urusan dilaksanakan secara dalam talian/medium yang bersesuaian.
- 2.2.5 Memastikan keperluan guru di Kolej/Pusat Tingkatan Enam mencukupi bagi melaksanakan PdP.
- 2.2.6 Memastikan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dipatuhi dalam tempoh pengurusan kemasukan murid Tingkatan Enam.
- 2.2.7 Memastikan Kolej/Pusat Tingkatan Enam telah bersedia sebelum menerima kehadiran murid baharu Semester 1 Tahun 2021.
- 2.2.8 Memberi fokus kepada keperluan jadual waktu, kesediaan murid dan guru dalam melaksanakan PdP.
- 2.2.9 Memastikan sekolah asal membantu sekolah pusat bagi pengurusan kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 bagi murid yang tiada capaian internet/peranti.

Semasa:

- 2.2.10 Mematuhi Surat Pemakluman dan Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 dan memastikan dasar, surat pekeliling, surat siaran dan surat pemakluman sentiasa dipatuhi dalam suasana pandemik COVID-19.
- 2.2.11 Memastikan sesi pengajian telah bermula pada **25 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan **26 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan B.
- 2.2.12 Memastikan pihak Kolej/Pusat Tingkatan Enam mengemaskini data murid di dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selepas:

- 2.2.13 Menghantar laporan kemasukan murid Tingkatan Enam 2021 ke JPN.

2.2.14 Mengurus permohonan rayuan bagi murid-murid Tingkatan Enam.

2.3 Tindakan Kolej/Pusat Tingkatan Enam

Sebelum:

- 2.3.1 Mengagihkan murid mengikut kelas yang telah ditetapkan berdasarkan pakej mata pelajaran yang sedia ada. Pihak sekolah boleh menghubungi murid untuk pilihan pakej mata pelajaran oleh murid secara dalam talian/medium yang bersesuaian.
- 2.3.2 Memastikan guru telah diberi taklimat secara dalam talian berkaitan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- 2.3.3 Merangka jadual waktu semasa PdP bagi semua guru.
- 2.3.4 Memastikan tidak ada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka dilaksanakan semasa tempoh PKP 3.0 (bergantung kepada situasi semasa pandemik COVID-19)
- 2.3.5 Memastikan semua pihak yang berkepentingan seperti guru, ibu bapa/penjaga serta murid memahami pelaksanaan jadual waktu semasa PdP.
- 2.3.6 Memastikan semua guru melaksanakan PdP berdasarkan jadual waktu yang ditetapkan bagi memastikan kelangsungan pembelajaran murid mengikut kaedah yang bersesuaian.
- 2.3.7 Menyelesaikan permasalahan yang timbul daripada pelaksanaan jadual waktu sekiranya ada.
- 2.3.8 Memantau pelaksanaan PdP dan tutorial dilaksanakan berdasarkan jadual waktu PdP yang telah ditetapkan.
- 2.3.9 Bagi murid yang tidak mempunyai capaian internet, pihak sekolah akan memaklumkan keputusan tawaran dan membantu proses pendaftaran.
- 2.3.10 Pihak sekolah juga akan membantu menguruskan rayuan murid dan memaklumkan keputusan permohonan rayuan.

Semasa:

- 2.3.11 Mematuhi Surat Pemakluman dan Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- 2.3.12 Taklimat secara dalam talian/medium yang bersesuaian kepada murid baharu disampaikan oleh guru mata pelajaran atau guru kelas mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan.

2.3.13 Pihak Kolej/Pusat Tingkatan Enam perlu mengisi data kehadiran dan maklumat murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 bermula pada hari pertama pendaftaran dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).

2.3.14 Pangkalan data murid dalam APDM digunakan oleh pihak JPN/PPD dan KPM bagi pengurusan kemasukan murid mengikut fasa yang telah ditetapkan.

Selepas:

2.3.15 Menghantar laporan kemasukan murid Tingkatan Enam 2021 ke PPD.

2.3.16 Mengurus permohonan rayuan bagi murid-murid Tingkatan Enam.

2.3.17 Sesi pengajian bermula berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.

2.4 Sekolah asal

Sebelum:

- 2.4.1 Senarai nama murid yang tidak mempunyai akses internet/peranti dihantar kepada sekolah pusat bagi tujuan pendaftaran (maklumat murid).
- 2.4.2 Mengenal pasti lokasi kediaman guru dan pihak-pihak yang dapat membantu bagi memudahkan penghantaran surat tawaran dan membantu mengurus pendaftaran murid.

Semasa:

- 2.4.3 Surat tawaran diberikan kepada murid layak beserta borang pilihan pakej.
- 2.4.4 Mendapatkan pengesahan murid bersetuju untuk melapor diri dan membantu proses pendaftaran.
- 2.4.5 Membantu murid membuat rayuan secara luar talian bagi rayuan umum, rayuan kelonggaran atas pencapaian kokurikulum, rayuan calon persendirian dan rayuan tukar (secara dalam talian/luar talian).
- 2.4.6 Mendapatkan maklumat murid bersetuju untuk melapor diri seterusnya memaklumkan kepada sekolah pusat.
- 2.4.7 Mengedarkan jadual waktu, bagi murid-murid yang tidak mempunyai akses internet/peranti.
- 2.4.8 Mengedarkan modul pengajaran dan pembelajaran bagi murid yang tidak mempunyai capaian internet/peranti.

Selepas:

- 2.4.9 Pihak sekolah memaklumkan keputusan permohonan rayuan dan menyerahkan jadual waktu serta modul pengajaran.
- 2.4.10 Sesi pengajian bermula berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.

2.5 Tindakan Guru.

Sebelum:

- 2.5.1 Menyemak senarai nama dan menghubungi murid secara dalam talian/medium yang bersesuaian untuk pilihan pakej mata pelajaran.
- 2.5.2 Melaksanakan PdP mengikut jadual yang telah ditetapkan.
- 2.5.3 Memastikan murid mengikuti PdP.
- 2.5.4 Menghadiri taklimat secara dalam talian/medium yang bersesuaian berkaitan pengurusan kemasukan murid Tingkatan Enam Semester 1 yang disampaikan oleh pihak pentadbir.
- 2.5.5 Tidak melaksanakan PdP secara bersemuka semasa tempoh PKP 3.0 (bergantung kepada situasi semasa pandemik COVID-19).
- 2.5.6 Menyediakan agihan tugas kepada guru yang berkaitan.
- 2.5.7 Menyediakan bahan PdP dan tutorial yang bersesuaian mengikut peruntukan masa yang ditetapkan dalam jadual waktu PdP serta boleh diakses oleh semua murid.
- 2.5.8 Mentadbir PBD selari dengan pelaksanaan PdP dan tutorial yang dilaksanakan.
- 2.5.9 Memaklumkan kepada ibu bapa/penjaga dan murid sekiranya berlaku sebarang perubahan jadual waktu.
- 2.5.10 Membuat jaringan dengan ibu bapa/penjaga atau murid dalam melaksanakan jadual waktu PdP.
- 2.5.11 Guru perlu memastikan rancangan PdP, bahan, capaian internet dan peranti telah disediakan sebelum PdP bermula.

Semasa:

- 2.5.12 Mematuhi Surat Pemakluman dan Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- 2.5.13 Taklimat kepada murid baharu disampaikan oleh guru mata pelajaran atau guru kelas secara dalam talian/medium yang bersesuaian mengikut susunan jadual yang telah ditetapkan.
- 2.5.14 Menyalurkan maklumat kehadiran bagi keperluan pihak sekolah mengisi data kehadiran dan maklumat murid Tingkatan Enam Semester 1 tahun 2021 bermula pada hari pertama pendaftaran dalam sistem Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).
- 2.5.15 Pangkalan data murid dalam APDM digunakan oleh pihak JPN/PPD dan KPM bagi pengurusan kemasukan murid mengikut fasa yang telah ditetapkan.

Selepas:

2.5.16 Menghantar laporan kehadiran dan status PdP murid Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 kepada pihak pentadbir.

2.5.17 Mengurus permohonan rayuan bagi murid-murid Tingkatan Enam.

2.5.18 Sesi pengajian bermula berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.

2.6 Tindakan Murid Yang Mempunyai Capaian Internet/Peranti.

Sebelum:

- 2.6.1 Murid lepasan SPM tahun 2020 perlu menyemak keputusan tawaran dan pendaftaran kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 melalui portal <https://sst6.moe.gov.my> atau <https://moe.gov.my> pada **5 Julai 2021** secara dalam talian.
- 2.6.2 Murid yang layak dan bersetuju menerima tawaran dikehendaki melengkapkan maklumat tambahan seperti nombor telefon dan alamat emel yang boleh dihubungi oleh pihak Kolej/Pusat Tingkatan Enam.
- 2.6.3 Semua murid yang layak akan diberikan surat tawaran secara dalam talian. Surat tawaran hendaklah disimpan dan diserahkan kepada pihak sekolah jika diperlukan.
- 2.6.4 Murid hendaklah melapor diri secara dalam talian pada hari pertama persekolahan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- 2.6.5 Murid yang sedang menunggu tawaran masuk ke program-program tertentu bawah rancangan bersama kerajaan, persiapan ke luar negara dan sebagainya, perlu melapor diri ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 sehingga mendapat pengesahan tawaran berkenaan.
- 2.6.6 Memastikan talian internet/peranti, dan alat tulis telah disediakan sebelum PdP bermula.

Semasa:

- 2.6.7 Mematuhi Surat Pemakluman dan Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- 2.6.8 Hadir PdP mengikut jadual yang ditetapkan.
- 2.6.9 Mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh Kolej/Pusat Tingkatan Enam bagi tujuan rekod.
- 2.6.10 Tidak hadir ke Kolej/Pusat Tingkatan Enam dalam tempoh PKP 3.0 (bergantung kepada situasi semasa pandemik COVID-19).

Selepas:

- 2.6.11 Bagi yang membuat rayuan, murid akan menyemak keputusan rayuan pada tarikh yang telah ditetapkan. Murid berjaya akan melapor diri dan menerima jadual waktu dan modul pengajaran dan pembelajaran.
- 2.6.12 Sesi pengajian bermula berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.

2.7 Tindakan Murid Yang **Tidak** Mempunyai Capaian Internet/Peranti.

Sebelum:

2.7.1 Murid akan menerima surat tawaran daripada sekolah asal dan seterusnya guru membantu proses pendaftaran pada **5 hingga 15 Julai 2021**.

2.7.2 Murid yang sedang menunggu tawaran kemasukan ke program-program tertentu bawah rancangan bersama kerajaan, persiapan ke luar negara dan sebagainya, perlu melapor diri ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 sehingga mendapat pengesahan tawaran berkenaan.

2.7.3 Memastikan murid membuat persediaan sebelum PdP bermula.

Semasa:

2.7.4 Murid membuat rayuan secara luar talian dengan bantuan guru sekolah asal.

2.7.5 Mematuhi Surat Pemakluman dan Garis Panduan Kemasukan Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.

2.7.6 Hadir PdP mengikut jadual yang ditetapkan.

2.7.7 Mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh Kolej/Pusat Tingkatan Enam bagi tujuan rekod.

2.7.8 Tidak perlu hadir ke Kolej/Pusat Tingkatan Enam dalam tempoh PKP 3.0 (bergantung kepada situasi semasa pandemik COVID-19).

Selepas:

2.7.9 Bagi yang membuat rayuan, murid akan menerima keputusan permohonan rayuan, jadual waktu serta modul pengajaran daripada sekolah asal.

2.7.10 Sesi pengajian bermula berdasarkan tarikh yang telah ditetapkan.

3.0 SYARAT KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021

3.1 Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam bagi Calon Sekolah Kerajaan

3.1.1 Syarat Am

- a. **Lulus SPM** dengan mendapat sekurang-kurangnya **kepujian** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu**.
- b. Berumur antara **17** hingga **20** tahun pada 1 Januari tahun 2021.

3.1.2 Syarat Khas

a. Bidang Sains

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Mathematics/Additional Mathematics.
- Physics.
- Chemistry.
- Biology.
- Lukisan Kejuruteraan/Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/Pengajian Kejuruteraan Awam/Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/Reka Cipta/Pengajian Agroteknologi/Sains Sukan/Sains Rumah Tangga/Sains Komputer/Grafik Komunikasi Teknikal.

b. Bidang Sains Sosial

i. Sekolah Menengah Harian

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 12 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Melayu/Literature in English.
- Sejarah.
- Geografi/Pendidikan Seni Visual.
- Komunikasi Visual/Seni Halus/Teater/Reka Bentuk/Pendidikan Muzik/Muzik/Tari.
- Pendidikan Islam/Pendidikan Moral.
- Mathematics/Additional Mathematics.
- Prinsip Perakaunan.
- Science/Additional Science.
- Pembinaan Domestik/Membuat Perabot/Kerja Paip Domestik/Pendawaian Domestik/Kimpalan Arka dan Gas/Menservis Automobil/Menservis Motosikal/Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/Menservis Peralatan Elektrik Domestik/Rekaan dan Jahitan Pakaian/Katering dan

Penyajian/Pemprosesan Makanan/Penjagaan Muka dan Dandan Rambut/Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik/Landskap dan Nurseri/Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/Tanaman Makanan/Seni Reka Tanda/Hiasan Dalaman Asas/Produksi Multimedia/Grafik Berkomputer.

- Tasawwur Islam/Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Pendidikan Syari'ah Islamiah/Usul Al-Din/Al-Syariah.
- Hifz Al-Quran/Maharat Al-Quran.
- Bahasa Cina/Bahasa Tamil/Bahasa Arab/Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/Turath Dirasat Islamiah/Turath Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/Al-Adab Wa Al-Balaghah/Bahasa Iban/Bahasa Kadazandusun/Bahasa Punjabi/Kesusasteraan Tamil/Kesusasteraan Cina/English for Science and Technology/Bible Knowledge.
- Pengajian Keusahawanan/Sains Sukan/Sains Rumah Tangga/Sains Komputer/Grafik Komunikasi Teknikal/Asas Kelestarian/Pertanian/Ekonomi/Perniagaan.

ii. Sekolah Menengah Agama

Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D** bagi mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 14 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Melayu/Literature in English.
- Sejarah.
- Geografi/Pendidikan Seni Visual/Komunikasi Visual/Seni Halus/Teater/Reka Bentuk/Pendidikan Muzik/Muzik/Tari.
- Pendidikan Islam/Pendidikan Moral.
- Mathematics/Additional Mathematics.
- Prinsip Perakaunan.
- Pembinaan Domestik/Membuat Perabot/Kerja Paip Domestik/Pendawaian Domestik/Kimpalan Arka dan Gas/Menservis Automobil/Menservis Motosikal/Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/Menservis Peralatan Elektrik Domestik/Rekaan dan Jahitan Pakaian/Katering dan Penyajian/Pemprosesan Makanan/Penjagaan Muka dan Dandan Rambut/Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik/Landskap

dan Nurseri/Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/Tanaman Makanan/Seni Reka Tanda/Hiasan Dalaman Asas/Produksi Multimedia/Grafik Berkomputer.

- Science/Additional Science.
- Tasawwur Islam /Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Usul Al-Din.
- Hifz Al-Quran/Maharat Al-Quran.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/Al-Syariah.
- Bahasa Arab/Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/Turath Dirasat Islamiah/Turath Bahasa Arab /Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Pengajian Keusahawanan/Sains Sukan/Sains Rumah Tangga/Sains Komputer/Grafik Komunikasi Teknikal/Asas Kelestarian/Pertanian/Ekonomi/Perniagaan.

Di Sekolah Berasrama Penuh bagi Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** dalam mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 14 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Melayu/Literature in English.
- Sejarah.
- Geografi/Pendidikan Seni Visual/Komunikasi Visual/Seni Halus/Teater/Reka Bentuk/Pendidikan Muzik/Muzik/Tari.
- Pendidikan Islam/Pendidikan Moral.
- Mathematics/Additional Mathematics.
- Prinsip Perakaunan.
- Pembinaan Domestik/Membuat Perabot/Kerja Paip Domestik/Pendawaian Domestik/Kimpalan Arka dan Gas/Menservis Automobil/Menservis Motosikal/Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/Menservis Peralatan Elektrik Domestik/Rekaan dan Jahitan Pakaian/Katering dan Penyajian/Pemprosesan Makanan/Penjagaan Muka dan Dandan Rambut/Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik/Landskap dan Nurseri/Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/Tanaman Makanan/Seni Reka Tanda/Hiasan Dalaman Asas/Produksi Multimedia/Grafik Berkomputer.
- Science/Additional Science.

- Tasawwur Islam/Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Usul Al-Din.
- Hifz Al-Quran/Maharat Al-Quran.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/Al-Syariah.
- Bahasa Arab/Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/Turath Dirasat Islamiah/Turath Bahasa Arab /Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah//Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Pengajian Keusahawanan/Sains Sukan/Sains Rumah Tangga/Sains Komputer/Grafik Komunikasi Teknikal/Asas Kelestarian/Pertanian/Ekonomi/Perniagaan.

3.2 Syarat Kemasukan ke Tingkatan Enam bagi Calon Sekolah Kerajaan Murid Berkeperluan Khas (MBK)

3.2.1 Syarat Am

- a. **Lulus SPM** dengan mendapat sekurang-kurangnya **lulus** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu**.
- b. Berumur di antara **17** hingga **21** tahun pada 1 Januari tahun 2021.

3.2.2 Syarat Khas

a. Bidang Sains

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Mathematics/Additional Mathematics.
- Physics.
- Chemistry.
- Biology.
- Lukisan Kejuruteraan/Pengajian Kejuruteraan Mekanikal/Pengajian Kejuruteraan Awam/Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik/Reka Cipta/Pengajian Agroteknologi/Sains Sukan/Sains Rumah Tangga/Sains Komputer/Grafik Komunikasi Teknikal.

b. Bidang Sains Sosial

i. Sekolah Menengah Harian.

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** daripada kumpulan yang berlainan seperti yang berikut:

- Bahasa Melayu.
- Bahasa Inggeris.
- Kesusasteraan Melayu/Literature in English.
- Sejarah.
- Geografi.
- Pendidikan Seni Visual.
- Komunikasi Visual.
- Seni Halus.
- Teater.
- Reka Bentuk.
- Pendidikan Muzik.
- Muzik.
- Tari.
- Pendidikan Islam/Pendidikan Moral.
- Mathematics/Additional Mathematics.
- Prinsip Perakaunan.
- Science/Additional Science.

- Pembinaan Domestik/Membuat Perabot/Kerja Paip Domestik/Pendawaian Domestik/Kimpalan Arka dan Gas/Menservis Automobil/Menservis Motosikal/Menservis Peralatan Penyejuk dan Penyaman Udara/Menservis Peralatan Elektrik Domestik/Rekaan dan Jahitan Pakaian/Katering dan Penyajian/Pemprosesan Makanan/Penjagaan Muka dan Dandan Rambut/Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak/Gerontologi Asas dan Perkhidmatan Geriatrik/Landskap dan Nurseri/Akuakultur dan Haiwan Rekreasi/Tanaman Makanan/Seni Reka Tanda/Hiasan Dalaman Asas/Produksi Multimedia/Grafik Berkomputer.
- Tasawwur Islam/Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Pendidikan Syari'ah Islamiah/Usul Al-Din/Al-Syariah.
- Hifz Al-Quran/Maharat Al-Quran.
- Bahasa Arab/Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/Turath Dirasat Islamiah/Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/Al-Adab Wa Al-Balaghah/Bahasa Cina/Bahasa Tamil/Bahasa Iban/Bahasa Kadazandusun/Bahasa Punjabi/Kesusasteraan Tamil/ Kesusasteraan Cina/English for Science and Technology/Bible Knowledge.
- Pengajian Keusahawanan/Sains Sukan/Sains Rumah Tangga/Sains Komputer/Grafik Komunikasi Teknikal/Asas Kelestarian/Pertanian/Ekonomi/Perniagaan.

ii. Sekolah Menengah Agama.

Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred D** bagi mata pelajaran Bahasa Arab/Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab.

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** elektif seperti yang berikut:

- Tasawwur Islam.
- Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah/Usul Al-Din.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/Al-Syariah.
- Bahasa Arab/Turath Al-Quran dan Al-Sunnah/Turath Dirasat Islamiah/Turath Bahasa Arab /Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah/Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah/Al-Adab Wa Al-Balaghah.
- Hifz Al-Quran/Maharat Al-Quran.

Di Sekolah Berasrama Penuh bagi Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS) dan Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Labu

Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C** bagi mata pelajaran Bahasa Arab/AI-Lughah AI-Arabiah AI-Mu'asirah/Turath Bahasa Arab.

dan

Mendapat sekurang-kurangnya **TIGA kepujian** dengan jumlah mata gred **tidak melebihi 18 unit bagi 3 mata pelajaran** elektif seperti yang berikut:

- Tasawwur Islam.
- Pendidikan AI-Quran dan AI-Sunnah/Usul AI-Din.
- Pendidikan Syari'ah Islamiah/AI-Syariah.
- Bahasa Arab/Turath AI-Quran dan AI-Sunnah/Turath Dirasat Islamiah/Turath Bahasa Arab /AI-Lughah AI-Arabiah AI-Mu'asirah/Manahij AI-'Ulum AI-Islamiah/AI-Adab Wa AI-Balaghah.
- Hifz AI-Quran/Maharat AI-Quran.

4.0 RAYUAN CALON SEKOLAH KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021 BERDASARKAN KELONGGARAN ATAS PENCAPAIAN KOKURIKULUM

4.1 Keputusan dan Penempatan oleh JPN/PPD

4.1.1 Calon **Sekolah Menengah Kerajaan** dan **Sekolah Menengah Bantuan Kerajaan** yang tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 boleh membuat rayuan secara dalam talian di portal Aplikasi Dalam Talian Tingkatan Enam, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (<https://sst6.moe.gov.my/>) **mulai 5 Julai 2021 hingga 15 Julai 2021**.

4.1.2 Pertimbangan kelonggaran syarat akan hanya mengambil kira penglibatan kegiatan kokurikulum pemohon dalam bentuk rekod bertulis (merujuk kepada markah kokurikulum).

4.1.3 Umur calon adalah seperti yang ditetapkan dalam syarat am.

4.1.4 Kelulusan JPN/PPD, tertakluk kepada kekosongan tempat belajar.

Jadual Kriteria Kelayakan Kemasukan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 Berdasarkan Pencapaian Kokurikulum bagi Bidang Sains Sosial

Mendapat sekurang-kurangnya TIGA kepujian dengan jumlah mata gred tidak melebihi 16 unit bagi 3 mata pelajaran	Pencapaian Markah Kokurikulum
13	50 - 59
14	60 - 69
15	70 - 79
16	80 - 100

4.2 Panduan Mengisi Borang T6BKK

- 4.2.1 Borang T6BKK (LAMPIRAN 2) ini adalah untuk murid Sekolah Kerajaan/Sekolah Bantuan Kerajaan yang hendak membuat rayuan (luar talian) bagi memasuki Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 kecuali murid yang telah mengisi permohonan secara dalam talian.
- 4.2.2 Borang ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan salinan dokumen yang telah disahkan seperti yang berikut:
- a. **Keputusan peperiksaan SPM 2020;**
 - b. **Sijil kelahiran;**
 - c. **Kad pengenalan/pasport;**
 - d. **Sijil berhenti sekolah;**
 - e. **Pelaporan PAJSK; dan**
 - f. **Dokumen lain yang berkenaan.**
- 4.2.3 Pertimbangan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:
- a. Lulus dalam peperiksaan SPM 2020 dengan memperoleh pencapaian akademik yang telah ditetapkan dan penglibatan dalam kegiatan kokurikulum;
 - b. Memperoleh kepujian dalam Bahasa Melayu dan dua kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran lain; dan
 - c. Tidak melebihi had umur yang ditetapkan dalam syarat am.
- 4.2.4 Kelulusan permohonan ini juga bergantung pada kekosongan tempat belajar.
- 4.2.5 Semakan keputusan rayuan boleh dibuat menerusi portal Aplikasi Dalam Talian Tingkatan Enam, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (<https://sst6.moe.gov.my/>) bermula daripada **20 Julai 2021**.
- 4.2.6 Sesi pengajian bermula pada **25 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan **26 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan B atau selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. Sekiranya calon tidak melapor diri dalam tempoh yang ditetapkan, calon dianggap menolak tawaran.
- 4.2.7 Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

4.3 Panduan Mengisi Borang T6BKK (Dalam Talian)

- 4.3.1 Permohonan rayuan T6BKK dalam talian akan dibuka mulai **5 Julai 2021 hingga 15 Julai 2021**.
- 4.3.2 Pertimbangan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:
 - a. Lulus dalam peperiksaan SPM 2020 dengan memperoleh pencapaian akademik yang telah ditetapkan dan penglibatan dalam kegiatan kokurikulum;
 - b. Memperoleh kepujian dalam Bahasa Melayu dan dua kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran lain; dan
 - c. Tidak melebihi had umur yang ditetapkan dalam syarat am.
- 4.3.3 Kelulusan permohonan ini juga bergantung pada kekosongan tempat.
- 4.3.4 Semakan keputusan rayuan boleh dibuat menerusi portal Aplikasi Dalam Talian Tingkatan Enam, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (<https://sst6.moe.gov.my/>) pada **20 Julai 2021**.
- 4.3.5 Sesi pengajian bermula pada **25 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan **26 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan B atau selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. Sekiranya calon tidak melapor diri dalam tempoh yang ditetapkan, calon dianggap menolak tawaran.
- 4.3.6 Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

5.0 KRITERIA PENGAMBILAN CALON PERSENDIRIAN, SEKOLAH SWASTA DAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021 BAGI SEKOLAH MENENGAH HARIAN.

5.1 Keputusan dan penempatan oleh JPN/PPD.

5.1.1 Calon yang memohon untuk memasuki Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 hendaklah menggunakan Borang T6BCP dan mengemukakankannya ke JPN/PPD yang berkenaan.

5.1.2 Permohonan yang diluluskan hendaklah memenuhi syarat-syarat kelayakan.

5.1.3 Kelulusan permohonan bergantung pada kekosongan tempat. Borang permohonan hendaklah disertakan bersama dengan satu salinan dokumen yang telah disahkan seperti yang berikut:

- a. **Keputusan peperiksaan SPM;**
- b. **Sijil kelahiran;**
- c. **Kad pengenalan; dan**
- d. **Sijil berhenti sekolah.**

5.2 Panduan Mengisi Borang T6BCP (Luar talian)

- 5.2.1 Borang **T6BCP** (LAMPIRAN 3) ini adalah untuk **CALON PERSENDIRIAN, SEKOLAH SWASTA & SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI** yang hendak membuat rayuan (luar talian) bagi memohon memasuki Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 di sekolah menengah kerajaan dan bantuan kerajaan kecuali calon yang telah mengisi permohonan secara dalam talian.
- 5.2.2 Borang ini hendaklah disertakan bersama-sama dengan salinan dokumen yang telah disahkan seperti yang berikut:
- a. **Keputusan peperiksaan SPM 2020;**
 - b. **Sijil kelahiran;**
 - c. **Kad pengenalan/pasport;**
 - d. **Sijil berhenti sekolah;**
 - e. **Sijil-sijil persekolahan peringkat menengah; dan**
 - f. **Bil utiliti.**
- 5.2.3 Borang ini hendaklah dikembalikan ke JPN/PPD yang berkenaan.
- 5.2.4 Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **15 Julai 2021**.
- 5.2.5 Pertimbangan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:
- a. Lulus dalam peperiksaan **SPM 2020** dengan memperoleh pencapaian akademik yang telah ditetapkan;
 - b. Memperoleh kepujian dalam Bahasa Melayu dan dua kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran lain; dan
 - c. Tidak melebihi had umur yang ditetapkan dalam syarat am.
- 5.2.6 Kelulusan permohonan ini juga bergantung pada kekosongan tempat.
- 5.2.7 Keputusan permohonan akan dimaklumkan oleh JPN/PPD kepada semua calon melalui emel atau medium yang bersesuaian.
- 5.2.8 Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

5.3 Panduan Mengisi Borang T6BCP (Dalam talian)

- 5.3.1 Permohonan rayuan T6BCP dalam talian akan dibuka mulai **5 Julai** hingga **25 Julai 2021**.
- 5.3.2 Pertimbangan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:
- a. Lulus dalam peperiksaan **SPM 2020** dengan memperoleh pencapaian akademik yang telah ditetapkan;
 - b. Memperoleh kepujian dalam Bahasa Melayu dan dua kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran lain; dan
 - c. Tidak melebihi had umur yang ditetapkan dalam syarat am.
- 5.3.3 Kelulusan permohonan ini juga bergantung pada kekosongan tempat.
- 5.3.4 Semakan keputusan rayuan boleh dibuat menerusi portal Aplikasi Dalam Talian Tingkatan Enam, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (<https://sst6.moe.gov.my/>) pada **20 Julai 2021**.
- 5.3.5 Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

5.4 Memproses Borang T6BKK dan T6BCP (Luar Talian)

5.4.1 Tindakan Bahagian/JPN/PPD

- a. Setiap borang yang diterima hendaklah direkod tarikh penerimaannya.
- b. Pastikan salinan keputusan SPM dan dokumen lain pemohon telah disahkan.
- c. Semak kohort umur pemohon dan syarat-syarat kelayakan berdasarkan Garis Panduan Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- d. Tentukan bidang yang diminta oleh pemohon. Jika tidak dinyatakan oleh pemohon, pihak bahagian yang berkaitan atau JPN berhak menentukan bidang yang sesuai berdasarkan kelayakan akademik dan kekosongan tempat.
- e. Tentukan mata gred/mata unit yang diperoleh.
- f. Senaraikan pemohon yang layak mengikut keutamaan mata gred dan tentukan jumlah penempatan maksimum berdasarkan kekosongan tempat yang masih ada di Kolej/Pusat Tingkatan Enam. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pemohon yang terbaik mata gred/mata unit dan markah kegiatan kokurikulum.
- g. Perkara (a) dan (b) tidak tertakluk pada permohonan rayuan T6BKK secara dalam talian.

5.4.2 Calon yang memenuhi syarat yang ditetapkan akan menerima surat tawaran dengan kadar segera.

5.5 Memproses Borang T6BKK dan T6BCP (Dalam talian)

5.5.1 Tindakan Bahagian/JPN/PPD

- a. Pastikan salinan keputusan SPM dan dokumen-dokumen lain pemohon telah disahkan.
- b. Semak kohort umur pemohon dan syarat-syarat kelayakan berdasarkan Garis Panduan Kemasukan Murid ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
- c. Tentukan bidang yang diminta oleh pemohon. Jika tidak dinyatakan oleh pemohon, pihak bahagian yang berkaitan atau JPN berhak menentukan bidang yang sesuai berdasarkan kelayakan akademik dan kekosongan tempat.
- d. Tentukan mata gred/mata unit yang diperolehi.
- e. Senaraikan pemohon yang layak mengikut keutamaan mata gred dan tentukan jumlah penempatan maksimum berdasarkan kekosongan tempat yang masih ada di Kolej/Pusat Tingkatan Enam. Keutamaan hendaklah diberikan kepada pemohon yang terbaik mata gred/mata unit dan markah kegiatan kokurikulum.
- f. Perkara (a) dan (b) tidak tertakluk pada permohonan rayuan T6BKK secara dalam talian.

5.5.2 Calon yang memenuhi syarat yang ditetapkan akan menerima surat tawaran dengan kadar segera.

6.0 RAYUAN UMUM UNTUK KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021 (LUAR TALIAN)

- 6.1 Calon sekolah yang layak tetapi tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 boleh memuat turun borang T6BRU dalam talian <https://sst6.moe.gov.my/> dengan melengkapkan borang T6BRU mulai **5 hingga 15 Julai 2021** kecuali calon yang telah mengisi permohonan secara dalam talian.
- 6.2 Calon yang tidak ditawarkan ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 disebabkan gagal memperoleh gred kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM 2020, tetapi berjaya mendapat kepujian tersebut dalam peperiksaan SPM Ulangan boleh membuat rayuan.
- 6.3 Calon boleh membuat rayuan untuk masuk ke Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021 ke JPN/PPD berkenaan dengan menggunakan borang T6BRU mulai **5 Julai 2021**.
- 6.4 Umur calon adalah seperti yang ditetapkan dalam syarat am.
- 6.5 Semua rayuan yang diterima lewat dari tarikh **15 Julai 2021** tidak akan dipertimbangkan. Kelulusan permohonan adalah tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan.
- 6.6 Panduan Mengisi Borang T6BRU
 - 6.6.1 Borang **T6BRU** (LAMPIRAN 4) ini adalah untuk murid membuat rayuan memasuki Tingkatan Enam Semester 1 Tahun 2021.
 - 6.6.2 Borang ini hendaklah disertakan bersama dengan salinan dokumen yang telah disahkan seperti yang berikut:
 - a. **Keputusan peperiksaan SPM;**
 - b. **Sijil kelahiran;**
 - c. **Kad pengenalan/pasport;**
 - d. **Sijil berhenti sekolah; dan**
 - e. **Bil utiliti.**
 - 6.6.3 Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **15 Julai 2021**.
 - 6.6.4 Pertimbangan hanya diberikan kepada permohonan yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:
 - a. Lulus dalam peperiksaan SPM dengan memperoleh pencapaian akademik yang telah ditetapkan;
 - b. Memperoleh kepujian dalam Bahasa Melayu dan dua kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran lain, kecuali murid berkeperluan khas (MBK); dan
 - c. Tidak melebihi had umur yang ditetapkan dalam syarat am.
 - 6.6.5 Kelulusan permohonan ini juga bergantung pada kekosongan tempat.

- 6.6.6 Sesi pengajian bermula pada **25 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan A dan **26 Julai 2021** bagi sekolah dalam negeri kumpulan B atau selewat-lewatnya dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. Sekiranya calon tidak melapor diri dalam tempoh yang ditetapkan, calon dianggap menolak tawaran.
- 6.6.7 Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.

7.0 RAYUAN UMUM UNTUK KEMASUKAN KE TINGKATAN ENAM SEMESTER 1 TAHUN 2021 (DALAM TALIAN)

